

14 JAN 1998

Cuepacs (Bergambar)

ABDUL AZIZ PRESIDEN BARU CUEPACS

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja Jabatan Kerja Raya dan Air Semenanjung Malaysia, Abdul Aziz Mohd Sultan, akan mengambilalih jawatan presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mulai Sabtu ini.

Abdul Aziz, 53, yang kini timbalan presiden Cuepacs, akan menggantikan Mohamad Mat Jid yang bersara daripada perkhidmatan kerajaan Jumaat ini.

Ketika dihubungi hari ini, Abdul Aziz berikrar terus memikul tanggungjawab yang ditinggalkan Mohamad bagi membela nasib kakitangan awam kerajaan.

"Dalam keadaan kegawatan ekonomi dan krisis mata wang yang melanda negara sekarang, kita terpaksa ikut rentak dan mendengar nasihat kerajaan kerana sebarang tindakan melibatkan seluruh rakyat berbilang kaum, bukan kesatuan sekerja sahaja," katanya.

Ketika ditanya bagaimana Cuepacs meningkatkan semangat dan moral kakitangan kerajaan, Abdul Aziz berkata: "Dalam apa keadaan sekalipun, kakitangan kerajaan perlu memberi perkhidmatan yang baik kepada kerjajaan."

Pelantikan Abdul Aziz disahkan Majlis Cuepacs yang bersidang pada 14 Dis lepas.

Abdul Aziz yang berasal dari Sungai Petani, Kedah dipilih menjadi timbalan presiden Cuepacs pada 9 Jan 1996.

Beliau mengetuai delegasi Cuepacs menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tuntutan gaji pada 29 Nov tahun lepas.

Timbalan Setiausaha Agung Abdul Rahman Manan ketika dihubungi berkata Abdul Aziz meneruskan tempoh perkhidmatan selama tiga tahun bagi penggal 95/98 Mohamd sehingga Konvensyen Cuepacs ke-21 diadakan pada Oktober depan bagi pemilihan semula.

Beliau berkata sekiranya tiada pertandingan, Abdul Aziz akan terus menerajui pucuk pimpinan Cuepacs.

Abdul Aziz akan mengadakan satu sidang berita pada 19 Jan ini di Wisma Cuepacs selepas mesyuarat Sekretariat Cuepacs diikuti dengan majlis berbuka puasa.

Mohamad ialah Presiden Kebangsaan Pekerja-pekerja Awam Kementerian Pertahanan. -- BERNAMA

ZAB NAK